

CNS0007

R PB 03-10 00176 BA712

bah

Sakaran - UMNO

UMNO SABAH MAHU DR MAHATHIR KETUAI PERHUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- UMNO Sabah mahukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri itu menggantikan Encik Ghafar Baba yang meletakkan jawatan baru-baru ini.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai, hari ini berkata perkara itu telah dinyatakan kepada Perdana Menteri dalam memorandum yang disampaikan oleh 19 ketua bahagian UMNO di Sabah pada pertemuan dengan Dr Mahathir pada 21 Sept.

"UMNO Sabah mencadangkan Perdana Menteri sendiri kerana beliau mampu menyatukan semua pihak dan memberi perhatian kepada masalah-masalah pembangunan di samping menguatkan kembali barisan kita untuk menghadapi kemungkinan pilihan raya negeri tidak lama lagi."

Sakaran, yang juga ketua bahagian Semporna, berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan hari keluarga kementeriannya. Beliau ditanya mengenai kepimpinan UMNO Sabah setelah Ghafar meletakkan jawatan.

Beliau berkata sebagai presiden parti, Dr Mahathir memahami keadaan semua bahagian UMNO dan dengan itu dapat diterima oleh semua pihak di peringkat negeri. -- lagi.

▼03/10/12-57MST

R PB 03-10 00167 BA713

bah

Sakaran - UMNO 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, berikutan perletakan jawatan Ghafar, ketua-ketua bahagian UMNO Sabah akan berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir apabila beliau kembali dari luar negara tidak lama lagi.

Ketika ditanya mengenai kenyataan naib ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Senator Nazri Tan Sri Aziz semalam agar muka baru dipilih sebagai ketua perhubungan, Sakaran berkata terpulanglah kepada pucuk pimpinan parti untuk memutuskannya.

Katanya, semua pihak berhak memberi pandangan tetapi masalah di Sabah perlu ditangani oleh pemimpin yang berpandangan jauh serta boleh memberi keyakinan kepada usaha mengukuhkan kedudukan UMNO dan Barisan Nasional.

"Diharapkan dengan cara ini Sabah akan dapat ditadbirkan oleh BN tidak alam lagi," katanya sambil menambah bahawa terpulanglah kepada Dr Mahathir untuk menentukan bila masanya pemimpin UMNO Sabah sendiri boleh menerajui kepimpinan Perhubungan Negeri.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu akan hanya dapat dijalankan sekiranya semua peringkat di Sabah dapat bersatu bagi membolehkan kata sepakat dicapai mengenai pemimpin peringkat negeri yang boleh diketengahkan. -- lagi

▼03/10/13-01MST

CNS0012

R PB 03-10 00115 BA714

bah

Sakaran - UMNO 3 (akhir) Kuala Lumpur

"Sampai masanya akan ada orangnya ... kalau boleh secepat mungkin," katanya.

Mengenai perletakan jawatan Ghafar, Sakaran berkata UMNO Sabah menghormati jasa Timbalan Presiden UMNO itu merintis jalan memantapkan UMNO negeri.

Bagaimanapun, dalam kehidupan berparti, kemantapan, perpaduan serta kehendak majoriti pemimpin dan anggota mesti juga dihormati dan diambil kira, kata beliau.

Dalam hal ini, kata Sakaran, pemimpin baru perlu diberi peluang untuk memanfaatkan potensi mereka bagi membangunkan negara sesuai dengan kehendak masa.

"Kita yakin pemimpin-pemimpin pelapis yang ada pada hari ini sudah bersedia dan berupaya menerima perubahan yang sungguh cepat dan lebih mencabar." -- Bernama "

JO RS

03/10/13-08MST